

<b>Headline</b>	<b>TNB ambil serius kakitangan rasuah</b>		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian		
<b>Date</b>	<b>19 Aug 2016</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>279,000</b>	<b>Readership</b>	<b>837,000</b>
<b>Section</b>	Nasional	<b>Page No</b>	<b>12</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>85 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 2,511</b>		



## TNB ambil serius kakitangan rasuah

**KOTA BHARU** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) memandang serius isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa terutama membabitkan kakitangan syarikat utiliti itu.

Ketua Pegawai Pembangunan Integriti TNB, Kamal Arifin Abdullah berkata, sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan, TNB bertanggungjawab mematuhi semua urus tadbir korporat dan mengamalkan integriti sebagai nilai bersama setiap warga kerjanya.

"Justeru, TNB memandang serius aspek rasuah atau penyalahgunaan kuasa dalam segala urusan.

"Kami akan memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan dijalankan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Sebelum ini, seorang pengurus TNB Cawangan Kelantan ditahan reman tujuh hari sehingga 22 Ogos ini bagi membantu siasatan kes rasuah.

Suspek berusia 47 tahun itu ditahan di pejabatnya pada jam 2.30 petang menerusi operasi se-rentak dijalankan SPM.

Operasi turut dijalankan di Melaka dan Putrajaya, dan menahan dua suspek lain yang juga penjawat awam dengan seorang daripadanya ber gelar Datuk dan Datuk Seri.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) dan 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.